



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Prosedur Pendermaan Organ

18 Februari 2013

1. Kenyataan akbar ini dikeluarkan berikutan dari laporan akhbar *The Star* bertarikh 18 Februari 2013 bertajuk "Organ-ised Harvest".
2. Kementerian Kesihatan ingin menegaskan bahawa Kementerian tidak pernah mengeluarkan kenyataan bagi mensasarkan pesakit kemalangan jalanraya atau pesakit yang terlibat dalam kes pembunuhan untuk diambil organnya bagi tujuan transplan.
3. Menyelamatkan nyawa pesakit-pesakit merupakan suatu **keutamaan yang tinggi dan tanggungjawab professional** setiap anggota perubatan dan juga pihak Kementerian. Setiap pesakit yang dirawat di hospital-hospital Kerajaan diberi rawatan secukup dan sewajarnya secara adil dan saksama berdasarkan kepada prinsip etika perubatan yang tinggi. Oleh itu, adalah tidak tepat untuk menyatakan bahawa wujud kumpulan pesakit tertentu yang dijadikan sasaran oleh pihak Kementerian untuk diambil organnya.
4. Merujuk kepada subseksyen 2(2) Akta Tisu Manusia 1974 [Akta 130], keizinan waris si mati diperlukan sebelum suatu proses pemindahan organ atau tisu dapat dilakukan oleh pengamal perubatan berdaftar penuh. Walau bagaimanapun, di bawah subseksyen 3(3) Akta Tisu Manusia 1974 [Akta 130] tersebut, bagi kes-kes pendermaan organ

atau tisu kadaverik yang terlibat dalam siasatan polis, persetujuan bertulis Majistret diperlukan selain keizinan waris si mati.

5. Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang tersebut, terdapat prosedur tertentu yang perlu dipatuhi untuk kes-kes pendermaan organ atau tisu kadaverik yang terlibat dalam siasatan polis. Ini termasuklah kes-kes kemalangan jalanraya dan pesakit yang terlibat dalam kes pembunuhan. Bagi membolehkan kes-kes tersebut diurus dengan lebih efisyen, pihak Kementerian telah mengeluarkan satu garispanduan (Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2013) yang dihasilkan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia dan Mahkamah Persekutuan Malaysia. Garispanduan tersebut juga bertujuan **mempermudahkan dan mempercepatkan urusan pendermaan organ** setelah keizinan waris si mati diperolehi.
6. Pihak Kementerian percaya laporan akhbar *The Star* tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai isu pendermaan organ. Namun, pihak Kementerian memohon agar beberapa maklumat diperbetulkan bagi mengelak salah tanggapan orang awam terhadap sistem penjagaan kesihatan negara ini. Pihak Kementerian sentiasa **menghargai sumbangan dan kerjasama** pihak media di dalam menyokong usaha Kementerian membantu pesakit yang memerlukan.

**DATUK DR NOOR HISHAM ABDULLAH
b.p Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia**

Putrajaya